



# **PELAN STRATEGIK 2011 - 2015**

**KEMENTERIAN  
KERAJAAN  
TEMPATAN DAN  
PERUMAHAN  
SABAH**

Diterbitkan oleh

**KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SABAH**

TINGKAT 5, BLOK C, WISMA TUN FUAD STEPHENS,

88999 KOTA KINABALU, SABAH

TEL : 088 256744 / 256927 / 256005

FAKS: 088 236177

LAMAN WEB : [www.sabah.gov.my/mlgh](http://www.sabah.gov.my/mlgh)

Keluaran Pertama November 2011

Keluaran Kedua Mac 2012

(C) **KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SABAH**

Hak Cipta Terpelihara.

Dilarang mengeluarkan semula mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau mengubah dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada elektronik, fotokopi atau rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah.

# ISI KANDUNGAN

## PERKARA

## MUKA SURAT

• Perutusan	1
• Kata-kata Aluan	3
<b>Bab I      PENDAHULUAN</b>	<b>5</b>
• Ringkasan Eksekutif	6
• Pengenalan dan Latar Belakang Agensi	7
• Carta Organisasi	8
• Fungsi dan Peranan Agensi	10
• Halatuju Utama	11
• Punca Kuasa	12
• Stakeholders dan Pelanggan	13
<b>Bab II      SENARIO PERSEKITARAN</b>	<b>14</b>
• Isu-isu/ Cabaran-cabaran kritikal	15
<b>Bab III     HALA TUJU STRATEGIK</b>	<b>18</b>
• Visi	19
• Misi	20
• Moto	21
• Logo	22
• Nilai Bersama	23
• Objektif Strategik	24
• Pelan Tindakan	25
• Peta Strategi	37
• Elemen Penentu Kejayaan	38
• Mekanisme Pelaksanaan	39
• <i>The Way Forward</i>	41
<b>Bab IV     PENUTUP</b>	<b>42</b>

# PERUTUSAN



**YB DATUK HAJI HAJIJI HAJI NOOR,  
MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN  
PERUMAHAN SABAH**

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wata'ala di atas terbukunya Pelan Strategik Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah bagi tempoh tahun 2011 – 2015, yang berperanan sebagai asas panduan kepada semua warga Kementerian termasuk jabatan dan agensi di bawahnya serta Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Sabah.

Pelan Strategik ini memuatkan bukan sahaja latarbelakang pewujudan Kementerian tetapi juga menjelaskan tentang peranan dan fungsi, punca kuasa, senario persekitaran dan juga halatuju strategik Kementerian. Saya yakin dengan adanya Pelan Strategik ini, semua warga Kementerian akan lebih fokus ke atas pelaksanaan sesuatu tugas demi mencapai arah tuju dan sasaran yang telah ditetapkan. Pelan ini akan menjadi rujukan khusus kepada semua warga Kementerian ini untuk memperoleh maklumat mengenai kewujudan, peranan dan fungsi, stakeholders dan halatuju Kementerian dengan mudah dan cepat.

Kerajaan sentiasa menitikberatkan tentang penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan untuk memenuhi aspirasi dan permintaan masyarakat setempat yang semakin mencabar serta dinamik pada masa kini. Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa

dasar atau inisiatif, yang antaranya ialah Program Transformasi Kerajaan (GTP), yang jelas mengharapkan agar semua warga perkhidmatan awam sentiasa peka, mempunyai budaya kerja positif, inovatif dan kreatif dalam melaksanakan tugas demi membantu menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sebagai Kementerian yang bertindak di barisan hadapan (frontliners) sudah pasti harapan masyarakat setempat amatlah tinggi agar Kementerian dapat menyediakan kemudahan awam dan ameniti serta infrastruktur yang sempurna untuk kesejahteraan hidup. Aspek - aspek keselamatan, ketenteraman, kebersihan, kecantikan dan keindahan pekan dan bandar serta kebersihan alam sekitar akan membawa keharmonian hidup kepada masyarakat setempat. Adalah menjadi harapan saya agar dengan adanya Pelan Strategik ini, isu - isu yang saya nyatakan tadi dapat diambil tindakan sewajarnya oleh semua warga Kementerian.

Pelan Strategik ini perlu ditambahbaik dan dikaji secara berkala supaya ianya tidak statik, sebaliknya menjadikan suatu pelan yang dinamik yang sentiasa dikemaskini mengikut perubahan masa dan kehendak pelanggan serta stakeholders Kementerian. Semoga semua warga Kementerian dapat berganding bahu melaksanakan segala strategi yang telah digariskan dalam Pelan Strategik ini demi memenuhi sasaran yang telah ditetapkan menjelang tahun 2015.

Sekian.



DATUK HAJI HAJI HAJI NOOR  
MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SABAH

# KATA-KATA ALUAN



**DATUK MATIUS SATOR,  
SETIAUSAHA TETAP,  
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN  
DAN PERUMAHAN SABAH**

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana Kementerian telah mempunyai Pelan Strategik bagi tempoh tahun 2011 - 2015 sebagai bahan rujukan ke atas halatuju dan sasaran Kementerian untuk membolehkan warga Kementerian mencapai sasaran dan wawasan yang telah ditetapkan.

Visi dan Misi Kementerian haruslah difahami dan dihayati oleh warga Kementerian termasuk jabatan/agensi di bawahnya dan juga Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Sabah supaya setiap tugas yang kita laksanakan akan menjurus kepada pencapaian hasrat berkenaan. Kementerian mempunyai peranan dan fungsi yang amat besar dalam memastikan kesejahteraan, keselamatan dan keharmonian masyarakat setempat dapat dipupuk, dinikmati serta dipertingkatkan.

Sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan serta dibantu dengan budaya inovatif dan kreatif oleh setiap warga Kementerian dalam melaksanakan tugas akan memberi kepuasan kepada pelanggan dan stakeholders Kementerian. Pelan Strategik yang telah digubal ini telah menggariskan tempoh sasaran yang harus dicapai, yang juga merupakan Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator) kepada warga Kementerian untuk berusaha dan bekerja dalam satu pasukan demi melaksanakan startegi dan

merealisasikan sasaran yang telah ditetapkan ini. Saya berharap agar warga Kementerian dapat menunjukkan komitmen yang tinggi dan sentiasa mengamalkan budaya kerja yang berpegang kepada prinsip 'Bersih, Cekap dan Amanah'. Prinsip ini haruslah sentiasa disematkan ke dalam sanubari setiap warga Kementerian dan dipraktikkan dalam melaksanakan tugas seharian.

Saya percaya Pelan Strategik ini dapat membantu Kementerian mencapai visi dan misinya dalam memacu pembangunan mampan melalui penyampaian perkhidmatan yang inovatif dan kreatif secara berterusan demi mewujudkan masyarakat setempat yang madani, berilmu, progresif dan makmur.

Sekian.



DATUK MATIUS SATOR  
SETIAUSAHA TETAP

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SABAH

---

# **BAB I**

# **PENDAHULUAN**

---



## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelan Strategik Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan Sabah (KKTPS), Tahun 2011 - 2015 merupakan satu dokumen yang bertindak sebagai panduan dan rujukan kepada semua warga KKTPS untuk berusaha mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Dokumen ini merupakan kayu pengukur ke atas prestasi KKTPS atau yang dipanggil sebagai ' **Petunjuk Prestasi Utama ( *Key Performance Indicator* )** ' yang harus didukung oleh setiap warga KKTPS untuk sama - sama merealisasikan pelaksanaan segala objektif, strategi dan pelan tindakan yang telah disasarkan.

KKTPS sebagai Kerajaan Ke - 3 memainkan peranan yang penting dalam memacu pembangunan mampan melalui penyampaian perkhidmatan yang kreatif dan inovatif secara berterusan. Sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan dengan dibantu oleh daya pemikiran dan tindakan yang kreatif dan inovatif ini dalam merancang penyediaan kemudahan dan infrastruktur awam akan dapat memenuhi kehendak stakeholders dan masyarakat setempat. Perancangan, penyelarasan, pelaksanaan dan pemantauan pembangunan mampan yang mengimbangi aspek fizikal, sosio - ekonomi, alam sekitar dan sumber manusia tanpa menjejaskan keperluan generasi masa depan akan mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian kehidupan masyarakat setempat.

Dokumen Pelan Strategik KKTPS yang komprehensif ini diharapkan dapat diterjemah dan digemblingkan bersama sebaik mungkin oleh setiap warga KKTPS supaya segala program / projek yang rencanakan oleh Kerajaan akan dapat dilaksanakan untuk mencapai hasrat **Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.**

## **Pengenalan & Latar Belakang Agensi**

“Kerajaan Tempatan” merupakan satu pembahagian geografi dalam sebuah negara yang berdaulat atau separa daulat, yang mana melaksanakan kuasa pemerintah dalam sebuah kawasan yang tertentu dan ianya berada dibawah kuasa Kerajaan Negeri masing-masing. Kerajaan Tempatan mempunyai kedudukan yang sah dari segi undang-undang, yang mana ianya kerajaan yang boleh didakwa dan mendakwa dan boleh melibatkan diri dalam sebarang perjanjian atau kontrak. Kerajaan Tempatan merupakan “Kerajaan Peringkat Ketiga” dalam struktur Persekutuan di Malaysia.

Kerajaan Tempatan di Sabah ditubuhkan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961 (No. 11) berkuatkuasa pada 1hb. Januari 1962 di bawah GN No. 134 bertarikh 15 November 1961. Selepas pilihanraya Majlis Undangan Negeri 1963, pentadbiran Kerajaan Tempatan diwujudkan berasingan daripada urusetia dengan pewujudan Kementerian Kerajaan Tempatan. Pada tahun 1967, Kementerian ini dinamakan sebagai Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

### **ORDINAN KERAJAAN TEMPATAN 1961 :**

OKT 1961 terbahagi kpd 15 bahagian yang memberi kuasa, tanggungjawab dan fungsi kepada Pihak Berkuasa Tempatan Sabah.


Perkembangan Kerajaan Tempatan di Negeri Sabah :

1931 : ‘Sanitary Boards’ (SB) diperkenalkan di Jesselton, Sandakan, Tawau dan Labuan iaitu sebahagian daripada pejabat-pejabat daerah.


1954 : SB diasingkan daripada pejabat Majlis Daerah bagi penubuhan Majlis Daerah Luar Bandar (MDLB) / Lembaga Bandaran (LB) dibawah ‘Municipalities and Urban Authorities Ordinance 1954.

1961 : Kedudukan MDLB dan LB diperbaiki dibawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (OKT).

# CARTA ORGANISASI



# CARTA ORGANISASI PENSTRUKTURAN SEMULA



## **FUNGSI & PERANAN KKTP**

1. Pentadbiran Kerajaan Tempatan
2. Pengawalan Pembangunan Perumahan
3. Perancangan Bandar dan Desa
4. Pentadbiran Hal Ehwal Anak Negeri

## **HALATUJU UTAMA**

1. Memantapkan Urus Tadbir Kerajaan Tempatan untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan.
2. Memantau dan mengawal Pembangunan Perumahan agar dapat memenuhi keperluan perumahan semua lapisan masyarakat.
3. Memantau dan menyelaras Perancangan Bandar dan Desa agar pembangunan fizikal berjalan secara mapan dan teratur.
4. Memantau dan menyelaras Pentadbiran Hal Ehwal Anak Negeri untuk mencapai keharmonian di kalangan masyarakat Anak Negeri.

## **PUNCA KUASA**


- (i) Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah No.11 of 1991)
- (ii) Ordinan Perancangan Bandar dan Desa 1950 (Cap. 141)
- (iii) Ordinan Tafsiran (Definisi Anak Negeri) (Sabah Cap.64)
- (iv) Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 (No.3 of 1992)
- (v) Ordinan Hiburan Awam 1958 (No. 23) (Sabah No.23 of 1958)
- (vi) Rent Control (Business premises) Enactment 1960
- (vii) Ordinan Kesihatan Awam 1960 (Sabah No.7 of 1960)
- (viii) Ordinan Anjing 1960 (Sabah No.24 of 1960))
- (ix) Enakmen Perumahan (Pengawalan dan Pelesenan Pemaju-Pemaju Perumahan)1978 (Sabah No.24 of 1978)
- (x) Enakmen Penguasa Pembangunan Perumahan dan Bandar 1981 (Sabah No.20 of 1981)

Kementerian ini juga bertanggungjawab bagi memastikan semua Undang-Undang Kecil dan Peraturan-Peraturan dibuat di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan/Enakmen diselaraskan secara teratur dan dikuatkuasakan oleh PBT. Kementerian juga bertanggungjawab dalam menyediakan draf Undang-Undang Kecil serta peraturan dan pindaan-pindaan berkaitan dengan undang-undang.

## **STAKEHOLDERS & PELANGGAN**

### **STAKEHOLDERS**

Ketua Menteri  
Jemaah Menteri  
Menteri KKTP  
SKN



### **PELANGGAN**

Pelawat / Pelancong  
Agensi Kerajaan  
Badan Berkanun Kerajaan Persekutuan / Negeri  
Sektor Swasta  
Badan-Badan Profesional  
Pemilik Kediaman / Premis Perniagaan  
NGO  
Komuniti Perniagaan  
Orang Awam



---

# **BAB II**

# **SENARIO**

# **PERSEKITARAN**

---

# ISU / ISU & CABARAN-CABARAN KRITIKAL

## Perkhidmatan Teras

### **A. Memantapkan Urus Tadbir Kerajaan Tempatan untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan.**

- Memudah dan meningkatkan akses kepada kemudahan awam dan ameniti seperti pengangkutan awam, tandas awam, pasar awam, dewan serbaguna, keselamatan dan ketenteraman awam.
- Meningkatkan kemahiran insaniah, kerangka pemikiran, sikap nilai moral yang positif bagi kumpulan sasaran.
- Memastikan penyertaan komuniti dan penglibatan masyarakat secara lebih efektif dan dinamik.
- Pembasmian kemiskinan bandar dan mengatasi masalah penempatan setinggan di kawasan perkadaran PBT.
- Meningkatkan tahap kebersihan, keindahan dan kecantikan pekan dan bandar termasuk menangani pencemaran alam sekitar.

**B. Memantau dan mengawal Pembangunan Perumahan agar dapat memenuhi keperluan perumahan kepada semua lapisan masyarakat.**

- Menyedia dan melaksanakan program perumahan kos rendah dan mampu milik.
- Menyediakan program perumahan rakyat.
- Mengawal lesen pemaju dan memperuntukan 30% kuota bumiputra bagi setiap pembangunan perumahan swasta.
- Menyediakan kemudahan pinjaman perumahan untuk golongan rakyat termiskin.

**C. Menyelaras dan memantau Perancangan Bandar dan Wilayah agar pembangunan fizikal berjalan secara mapan dan teratur.**

- Menyediakan Pelan Struktur, Pelan Daerah dan Pelan Tempatan serta Pelan Tindakan Khas.
- Sebagai urus setia kepada Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Wilayah.
- Menyemak dan memperakukan Pelan Pembangunan dan Bangunan.
- Menyediakan pelan perancangan lanskap negeri.

**D. Menyelaras dan memantau Pentadbiran Hal Ehwal Anak Negeri untuk mencapai keharmonian di kalangan masyarakat Anak Negeri.**

- Menyemak dan memperakukan kesahihan sijil anak negeri dan status anak negeri Sabah.
- Mengurus pelantikan Ketua Daerah, Ketua Anak Negeri, Wakil Ketua Anak Negeri, Ketua Kampung dan Ketua Masyarakat Cina (Kapitan).
- Memartabatkan institusi dan kehakiman Mahkamah Anak Negeri
- Urus setia kepada Majlis Hal Ehwal Anak Negeri.

<b>KEKUATAN</b>	<b>KELEMAHAN</b>
Kepimpinan yang dinamik	Kekurangan teknologi terkini - Kemudahan ICT
Kakitangan yang berpengalaman	Kekurangan kakitangan
Sikap berdaya saing	Prospek kerjaya yang kurang
<i>Teamwork</i> dan komitmen kakitangan yang tinggi	Sumber kewangan yang terhad ( PBT Tertentu )
<i>Transformational Leadership</i>	Ruang pejabat yang sempit
	Peralatan pejabat yang terhad
	Kakitangan yang kurang mahir

<b>PELUANG</b>	<b>ANCAMAN</b>
Kawasan pentadbiran yang luas dan strategik	Campuran politik dalam pelaksanaan dasar
Peluang pelaburan	Ancaman PATI - Sewa - Cukai - Kebersihan - Keselamatan - Sosial
Kurang jenayah	Bentuk geografi muka bumi Sabah: - Menyukarkan pembangunan infrastruktur dan ameniti
Penglibatan penduduk	Kos Pembangunan dan operasi yang tinggi
Masyarakat yang responsif	Sikap masyarakat - Kempen Kebersihan - Engkar kepada peraturan dan undang-undang - Golongan tamak dan haloba
Peluang pekerjaan	
Aman dan damai	

---

# **BAB III**

---

# **HALATUJU STRATEGIK**

---

## **VISI**

Menjadikan KKTP pemacu pembangunan mampan melalui penyampaian perkhidmatan yang kreatif dan inovatif secara berterusan.

## **KETERANGAN**

Pembangunan mampan adalah pembangunan yang mengimbangi aspek fizikal, sosio-ekonomi, alam sekitar dan sumber manusia tanpa menjejaskan keperluan generasi masa depan.

Perkhidmatan kreatif dan inovatif mengambilkira hasrat kerajaan supaya perkhidmatan awam sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran ke arah penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

## **MISI**

Merancang, menyelaraskan, menilai dan memantau dan menilai Pihak Berkuasa Tempatan, Pembangunan Perumahan, Pembangunan Bandar & Wilayah dan Hal Ehwal Anak Negeri untuk mewujudkan masyarakat sejahtera.

## **KETERANGAN**

Masyarakat sejahtera bermaksud mewujudkan masyarakat yang madani, berilmu dan progresif serta aman dan makmur.

## **MOTO**

Bersama Membudayakan Perkhidmatan  
Cemerlang

## **KETERANGAN**

Mewujudkan semangat kerja yang tinggi,  
persekitaran kerja yang sihat dan harmoni,  
berpasukan, setiakawan, akauntabiliti, positif  
dan proaktif serta berintegriti.



# LOGO



## PENGERTIAN LOGO

	<p>Logo Negeri Sabah dan semua maksud di dalamnya</p>
	<p>Bentuk ini membawa maksud perpaduan dan semangat bekerja dalam satu pasukan / organisasi</p>
	<p>Bentuk ini melambangkan kehijauan pokok dan tumbuhan yang membawa maksud fungsi Kementerian ini dalam menjaga kebersihan, keceriaan dan keindahan bandar</p>
	<p>Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan</p>
	<p>Bentuk menyerupai rumah ini membawa maksud fungsi Kementerian ini dalam merancang pembangunan perumahan di Negeri Sabah dan kelima-lima bucu mewakili Kementerian dan Agensi-Agensi di bawahnya</p>

# **NILAI BERSAMA**

## **KERJA BERPASUKAN**

Mempunyai semangat kekitaan, kerjasama, tolak ansur dan sifat setia kawan serta muafakat yang tinggi untuk mencapai Visi dan Misi organisasi.

## **AKAUNTABILITI**

Mempunyai rasa tanggungjawab dan akauntabiliti di dalam segala tindakan.

## **BERDISIPLIN**

Sentiasa mengawal diri dan perilaku berlandaskan undang-undang, peraturan, prinsip dan nilai-nilai murni.

Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan tekun dan taat tanpa penyeliaan yang rapi dan sentiasa menjaga baik imej diri, organisasi, perkhidmatan awam dan negeri.

## **INTEGRITI**

Melaksanakan tugas dan kuasa dengan bersih, cekap, amanah dan saksama. Berkhidmat dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab serta berintegriti.

## OBJEKTIF STRATEGIK

1. Memantapkan keupayaan dan kapasiti organisasi bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.
2. Memperkasakan tadbir urus organisasi dan pembudayaan nilai-nilai murni ke arah kecemerlangan organisasi.
3. Memperkukuhkan pengurusan dan sistem penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan bagi kemakmuran masyarakat.
4. Mewujudkan lebih banyak kemudahan dan infrastruktur awam bagi mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat.
5. Mempergiatkan pembangunan bandar dan wilayah serta memperkukuh sosio-ekonomi secara holistik untuk kesejahteraan masyarakat.
6. Mempertingkatkan keselamatan dan ketenteraman awam bagi tujuan mengekalkan perpaduan dan keharmonian masyarakat.

# PELAN TINDAKAN

## OBJEKTIF STRATEGIK 1:

### MEMANTAPKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI ORGANISASI BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI	PELAN TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
Memantapkan pembangunan organisasi	Memperkuuhkan struktur dan Skim Perkhidmatan organisasi  Memantapkan fungsi dan diskripsi tugas	Penarafan dalam <i>Star Rating</i>	Mendapat penarafan sekurang-kurangnya 2 bintang untuk tahun 2011, 3 bintang 2012, 4 bintang 2013 dan 5 bintang 2014 dan dikekalkan pada 2015
Menetapkan hala tuju strategik pengurusan sumber manusia	Membangunkan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia	Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia	Pelan disiapkan pada tahun 2011

STRATEGI	PELAN TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
	<p>Memantapkan pengurusan pengetahuan dan maklumat (Pengurusan Ilmu)-(Facts &amp; Figures)</p> <p>Mempertingkatkan budaya inovatif dan kreatif di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan</p>	<p>Tahap Kompetensi Pekerja</p> <p>Pangkalan data &amp; Pelan Operasi Latihan</p> <p>Anugerah inovasi</p> <p>Anugerah Pengurusan Kewangan</p>	<p>Tahap kompetensi Pekerja yang mendapat aras 85% melebihi 60% setiap tahun</p> <p>Pangkalan data diwujudkan pada tahun 2012.</p> <p>Setiap PBT mempunyai produk inovasi untuk dipertandingkan menjelang tahun 2015</p> <p>5 PBT memenangi Anugerah APK peringkat Kebangsaan menjelang 2015</p>
<p>Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif</p>	<p>Memanafaat dan mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan</p> <p>Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pihak pengurusan – pekerja</p> <p>Meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat</p>	<p>Tahap Kepuasan Pekerja melalui MBJ Pekerja</p>	<p>Menyelesaikan aduan pekerja sebanyak 50% setiap tahun.</p>

<b>STRATEGI</b>	<b>PELAN TINDAKAN/PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR</b>	<b>SASARAN/ TAHUN SASARAN</b>
Mempertingkat dan memperkasa imej organisasi	<p>Membangunkan Pelan Media dan promosi</p> <p>Mempertingkat dan memudahkan capaian pelanggan kepada KKTP (melalui laman Web &amp; Laman Sosial )</p>	Indeks Persepsi Pelanggan	65% pelanggan berpandangan positif terhadap KKTP pada 2015

## OBJEKTIF STRATEGIK 2:

### MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI DAN PEMBUDAYAAN NILAI-NILAI MURNI KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN
Mempertingkatkan keberkesanan pemantauan / tindakan penguatkuasaan	Mengemaskini kod etika dan amalam terbaik penguatkuasaan sedia ada	Kod etika dan amalan terbaik (PIN/PIO)	Peratusan pematuhan kepada PIN / PIO
	Melaksanakan pemantauan / tindakan penguatkuasaan secara bersepadu	Bilangan kes pelanggaran undang-undang	Penurunan peratusan kes setiap tahun
	Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasa	Jumlah kes yang disabitkan	Jumlah kes yang dapat disabitkan meningkat setiap setahun
		Bilangan pegawai yang dilatih	3 orang setiap PBT (1 orang Pegawai pendakwa, 1 orang Pegawai Penyiasat dan 1 orang Pegawai Kompoun) mulai

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
			2012. 1 orang Pegawai dilantik sebagai Timbalan Pendakwaraya pada 2012.
Memperkasakan tadbir urus	Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan dalaman  Mewujudkan Pelan Integriti dan Kod Etika Organisasi	Indeks Akauntabiliti (Audit Negara)  Bilangan kes tatatertib	Mendapat penarafan 5 bintang menjelang 2015  Sifar kes tatatertib setiap tahun
Memantapkan sistem dan prosedur kerja	Merekayasa dan menambah baik sistem dan prosedur kerja	Bilangan prosedur yang disemak dan ditambahbaik	1 prosedur kerja dikomputerisasikan setiap tahun.
Memantapkan pengurusan kewangan	Mengoptimumkan perbelanjaan organisasi  Mengamalkan perbelanjaan berhemah	Prestasi perbelanjaan  <i>Value for Money</i>	Mencapai perbelanjaan seimbang antara peruntukan dan perbelanjaan pada setiap tahun.  Pembaziran sifar pada setiap tahun



### OBJEKTIF STRATEGIK 3:

**Memperkuhkan pengurusan dan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan bagi kemakmuran masyarakat.**

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN
Mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan PBT	Menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan PBT <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan ICT</li> <li>- Pengurusan Sumber Manusia</li> <li>- Kelengkapan dan Peralatan</li> <li>- Kewangan Lestari</li> </ul>	Tahap kepuasan pelanggan	Aduan sifar
Merancang gunatanah	Mengoptimumkan gunatanah berdasarkan Pelan	Pembangunan mengikut Pelan	Sifar Pengezonan Semula
	Memantau dan mengawal semua jenis pembangunan mengikut Pelan	Pembangunan mengikut Pelan	Sifar Pengezonan Semula
Memantapkan keupayaan kutipan hasil	Memantau kaedah kutipan dan saluran pembayaran hasil	Jumlah kutipan hasil	Jumlah kutipan hasil $\pm$ 5% daripada anggaran tahunan
	Meningkatkan kecekapan sistem pemantauan kutipan hasil	Sistem e-PBT	Semua PBT melaksanakan e-PBT menjelang tahun 2015

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
	Memantau keberkesanan kutipan hasil tertunggak	Jumlah kutipan hasil tertunggak	Sifar tunggakan hasil setiap tahun
	Meluluskan dan memantau penilaian semula perkadaran, ses tanah dan cukai pintu.	Peningkatan jumlah kutipan hasil	Hasil PBT meningkat 10% menjelang tahun 2015
	Memantau dan menggalakan PBT untuk Mengutip Sumbangan Membantu Kadar	Peningkatan jumlah kutipan hasil	Hasil PBT meningkat 10% menjelang tahun 2015

**OBJEKTIF STRATEGIK 4:**

**Mewujudkan lebih banyak kemudahan awam dan infrastruktur bagi mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat.**

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
<p>Mempertingkatkan kemudahan awam dan infrastruktur</p>	<p>Memperakukan permohonan peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan</p> <p>Menyelaras dan memantau program / projek yang telah diberi peruntukan agar dilaksanakan sepenuhnya.</p> <p>Memastikan pembasmian kemiskinan bandar dan mengatasi masalah setingan di kawasan perkadaran PBT.</p> <p>Memantau pembangunan perumahan agar dapat memenuhi keperluan perumahan khususnya rakyat termiskin berpendapatan rendah, ibu tunggal, orang kelainan upaya dan setingan di bandar.</p>	<p>Jumlah peruntukan diterima</p> <p>Pencapaian fizikal dan kewangan</p> <p>Bilangan setingan dan KIRMT</p> <p>Bilangan rumah kos rendah, mampu milik dan PPR.</p>	<p>Setiap PBT menerima peruntukan yang dipohon pada setiap tahun</p> <p>Semua PBT mencapai prestasi 100% bagi fizikal dan kewangan</p> <p>Sifar setingan menjelang tahun 2020</p> <p>Peningkatan pemilikan rumah oleh kumpulan sasar tersebut sebanyak 5% setahun</p>

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
Membangunkan masyarakat yang sihat fizikal, mental dan spritual	Meningkatkan kesedaran dan menerapkan budaya kebersihan dan kesedaran penjagaan alam sekitar Pewujudan Taman Rekreasi	Indeks Kualiti Hidup	Semua PBT melaksanakan komponen KAKS menjelang tahun 2015

**OBJEKTIF STRATEGIK 5:**

**Mempergiatkan pembangunan bandar dan wilayah serta memperkukuh sosio-ekonomi secara holistik untuk kesejahteraan masyarakat.**

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
Memantapkan halatuju pembangunan perbandaran	Memantau penyediaan Pelan Struktur, Pelan Daerah, Pelan Tempatan dan Pelan Tindakan Khas - mengambilkira perancangan kawasan sensitif alam sekitar merangkumi taman rekreasi bandar, kawasan warisan serta meningkatkan kualiti alam sekeliling	Pelan	23 PBT mempunyai Pelan

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
	<p>Memantau penyemakan semula Pelan Struktur, Pelan Daerah, Pelan Tempatan dan Pelan Tindakan Khas</p> <p>Memantau pelaksanaan program urbanisasi dan pembentukan pekan/ bandar secara sistematik</p>	<p>Pelan</p> <p>Bilangan pekan /bandar baru</p>	<p>23 PBT menyemak semula Pelan setiap 5 tahun</p> <p>10 pekan/bandar baru menjelang 2015</p>
Memperkukuhkan pembangunan sosio ekonomi	Menyelaras dan memantau program yang berkaitan dengan mempertingkatkan kegiatan ekonomi dan pelaburan yang berimpak tinggi	Pendapatan bulanan/ pengeluaran lesen berkaitan	23 PBT telah menyediakan lokasi dan melaksanakan program ini

**OBJEKTIF STRATEGIK 6:**

**Mempertingkatkan keselamatan dan ketenteraman awam bagi tujuan mengekalkan perpaduan dan keharmonian masyarakat.**


STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
<p>Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan</p>	<p>Mewujudkan mekanisme penyelarasan pelaksanaan dengan agensi Kerajaan, NGO's serta pihak swasta</p> <p>Mempertingkatkan perkongsian sumber, tanggungjawab dan kepakaran di antara PBT yang bersempadan</p>	<p>Kempen kebersihan/ keselamatan/ LA 21</p> <p>Resolusi Konvensyen / Mesyuarat</p>	<p>Semua PBT melaksanakan kempen pada setiap tahun</p> <p>Semua PBT dilibatkan</p>
<p>Memperkukuhkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti/ program PBT</p>	<p>Memantau pelaksanaan Program Bandar Selamat</p> <p>Memantau Pelaksanaan Program LA 21</p>	<p>Bilangan Projek</p> <p>Bilangan Projek</p>	<p>Semua PBT melaksanakan projek yang telah diluluskan</p> <p>Semua PBT melaksanakan projek yang telah diluluskan</p>

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
	Memantau penglibatan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan program PBT	Kempen Anti Kutu Sampah (KAKS)/ keselamatan/ LA 21	Semua PBT melaksanakan kempen pada setiap tahun
	Memantau pewujudan Pusat Info dan Maklum Balas Komuniti	LA 21	Semua PBT mewujudkan pusat info menjelang tahun 2015

# PETA STRATEGI KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN & PERUMAHAN 2011 - 2015

Peta Strategi (*Strategy Map*) memberi gambaran menyeluruh terhadap strategi-strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan. Terdapat 17 kotak dalam peta strategi, dan tiap kotak merupakan strategi yang perlu dilaksana bagi mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan dalam tempoh masa pelaksanaan Pelan Strategik ini. Pencapaian strategi dan objektif strategik ini perlu diukur berdasarkan indikator yang telah ditetapkan.

Peta Strategi ini dibahagikan kepada empat (4) perspektif utama iaitu Perspektif Pelanggan, Perspektif Kewangan, Perspektif Proses Dalaman serta Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan.





## ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

- **PENGURUSAN ILMU (*KNOWLEDGE MANAGEMENT*)**

Ilmu, pengalaman dan amalan terbaik berkaitan pemodenan pentadbiran serta sistem penyampaian perkhidmatan akan dikongsi dan ditambah nilai melalui penggunaan sistem Pengurusan Ilmu atau *Knowledge Management (KM)* Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah. Penggunaan optimum *KM* akan memastikan penggunaan sumber ilmu secara berkesan dalam mencapai objektif strategik Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah.

- **PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik. Pendekatan *mentor-mentee*, *coaching* dan pengurusan pembangunan kerjaya akan turut dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja serta mengekalkan "*institutional memory*".

## MEKANISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan setiap Bahagian di Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh 5 tahun ini, strategi dan pelan tindakan di dalam dokumen ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut jadual perancangan seperti **Jadual 5**. Penilaian pencapaian Pelan Strategik ini akan dijalankan pada setiap dua tahun. Untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan objektif strategik, strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan, satu kajian semula Pelan Strategik dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2015. Kajian tersebut akan turut mengambilkira senario baru, perubahan persekitaran dan tumpuan strategik Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah.

**Jadual 5:**  
**Jadual Perancangan Pemantauan dan Penilaian**  
**Pelan Strategik**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tarikh Cadangan</b>
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik	Setiap 6 bulan
2.	Penilaian Pencapaian	Setiap dua tahun
3.	Penilaian keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik	2015

Dalam pada itu, bagi memantapkan tadbir urus dan memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini berjalan dengan berkesan, adalah dicadangkan satu jawatankuasa khas diwujudkan. Jawatankuasa ini akan dinamakan Jawatankuasa Pemandu Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah. Keahlian jawatankuasa adalah seperti di bawah.

### **Jawatankuasa Pemandu KKTP**

<b>Pengerusi</b>	Setiausaha Tetap
<b>Setiausaha</b>	Bahagian Pentadbiran
<b>Ahli-ahli</b>	Semua Ketua Agensi/Bahagian

Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai penyelaras utama dari aspek pemantauan, penilaian dan kajian semula Pelan Strategik Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah berdasarkan kepada pengukuran prestasi dan pelan tindakan yang ditetapkan.

## ***THE WAY FORWARD***

Selepas Pelan Strategik ini dilaksanakan yang berakhir pada tahun 2015, peranan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah diharap akan lebih menyerlah dalam aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Oleh kerana agenda tersebut merupakan perkhidmatan teras Kementerian yang berterusan maka Pelan Strategik lima (5) tahun ini bukanlah suatu tempoh yang mencukupi untuk mengukur pencapaian secara holistik. Akan tetapi pelan ini perlu diteruskan bagi membangun dan memantapkan lagi transformasi pengurusan dan penyampaian perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah berdasarkan kepada keperluan semasa.

Selepas tahun 2015, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah akan mempunyai gagasan dan wawasan untuk mencapai ke tahap seperti berikut:

- a. Menjadi Kementerian yang unggul di Sabah dalam pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat;
- b. Pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat secara cekap dan berkesan serta dijadikan penanda aras dan pusat rujukan di peringkat negeri;
- c. Dapat menyediakan semua perkhidmatan teras dan sokongan secara *on-line*.

---

# **BAB IV**

---

# **PENUTUP**

---

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dalam pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Sistem penyampaian ini juga dapat memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat serta masyarakat perniagaan yang semakin meningkat. Justeru ini, Pelan Strategik Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah telah menggariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta tindakan/program yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan indikator yang telah ditetapkan. Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi dan meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.